



Aksi Dhiya Izzati Farziha pada Kejuaraan Silat Terbuka Piala Legenda Jebat.

## Bangga teruskan legasi bapa, datuk

Dhiya Izzati Farziha saran wanita pelajari silat.

Oleh MUSTAKIM RAMLI

JIKA disebut nama Abd. Ghapar Abd. Majid pasti ramai mengenali sosok tubuh Juara Dunia Seni Tempur Tangan Kosong dan Seni Tempur Senjata era 90-an yang popular dengan panggilan Tuan Guru Jebat.

Kini legasi kehebatan Abd. Ghapar dalam seni Silat Pusaka Gayong diteruskan oleh anak-anak antaranya Dhiya Izzati Farziha, 30, yang mewarisi sejak berusia 5 tahun.

Anak kedua kepada juara dunia empat kali tersebut menzhahirkan rasa bangga kerana mewarisi darah pesilat daripada ayah dan datuknya, Datuk Abd. Majid Md. Isa. Beliau tidak menafikan peranan kedua-dua insan itu membentuknya menjadi atlet seni mempertahankan diri.

"Walaupun guru silat merupakan bapa sendiri, tetapi saya tidak memperoleh apa-apa tiket keistimewaan kerana tetap menjalani sesi latihan sama seperti anak-anak murid lain.

"Di sebalik latihan yang keras, silat membentuk individu untuk saling menghormati, berdisiplin, sentiasa sabar dan berkeyakinan diri," katanya kepada Majoriti 7 yang turut memaklumkan suaminya, Khaliq Haiqal juga



Pada usia 14 tahun anak kedua kepada juara dunia empat kali ini telah mewakili Malaysia.

seorang pesilat.

Jelas Dhiya Izzati Farziha, amalan membuka dan menutup gelanggang dengan beberapa surah, selawat dan doa menjadikan seni silat cukup istimewa kerana menitik beratkan aspek kerohanian.

### Pertandingan

Ditanya mengenai pembabitannya sebagai atlet seni mempertahankan diri, Dhiya Izzati Farziha menjelaskan, beliau mula mewakili Malaysia sejak umur 14 tahun pada kejohanan Olahraga Pencak Silat Kejuaraan Dunia di Singapura. Pada acara itu beliau meraih tempat kedua, sekali gus dinobatkan atlet terbaik kejohanan.

Dek minat mendalam terhadap sukan berkenaan sehingga kini beliau masih

aktif menyertai pelbagai pertandingan khususnya di dalam negara.

"Biarpun mempunyai kerja hakiki di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), namun ia tidak menghalang saya untuk menyertai mana-mana pertandingan silat.

"Kali terakhir saya menyertai pertandingan adalah pada Ogos tahun lalu menerusi Kejuaraan Silat Terbuka Piala Legenda Jebat dengan meraih tempat keempat," ujar beliau yang pernah mewakili Kedah dan Kuala Lumpur pada kejohanan Sukan Malaysia (Sukma).

Bicaranya yang pernah mengungguli pelbagai kejuaraan dalam pertandingan disertai, meskipun usia kian meningkat, setakat ini beliau belum terlantas untuk bersara. Sebaliknya, beliau semakin bersemangat dan proaktif untuk terus menyertai mana-mana pertandingan dianjurkan.

"Silat mempunyai banyak kategori mengikut peringkat usia. Lagipun kejohanan terbuka silat dibuka kepada semua peringkat. Disebabkan itu, daripada golongan kanak-kanak hingga veteran masih ramai menyertai pertandingan.

"Oleh itu, selagi sihat saya ingin terus beraksi di gelanggang pertandingan. Jika tidak dapat mewakili negara atau negeri, saya akan membawa nama DBKL," kata ibu kepada tiga cahaya mata itu.

Dalam pada itu, Dhiya Izzati Farziha turut menyarankan golongan wanita belajar seni mempertahankan diri bagi melindungi diri daripada menjadi mangsa jenayah.

"Masuk silat misalnya, tidak semestinya untuk bertanding semata-mata. Tidak kisah sama ada silat, judo, taekwondo ataupun karate golongan Hawa perlu ada asas mempertahankan diri.

"Pengalaman peribadi, saya sendiri pernah hampir dicubit dan menjadi mangsa samun ketika bersendirian sekitar sedekad lalu.

"Berebalkan ilmu silat yang ada kejadian berkenaan dapat dielakkan," kongsi.



Dhiya Izzati Farziha (dua dari kiri) membuat persembahan pada Majlis Sang Purba Pusaka Gayong di Bangi, Selangor.